

Guan Eng selesai beri keterangan kepada PAC

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Menteri Kewangan, Lim Guan Eng selaku saksi terakhir selesai memberi keterangan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berhubung siasatan dakwaan tuntutan bayaran tunggakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, pihaknya akan mengadakan mesyuarat sebelum membuat rumusan berdasarkan keterangan itu untuk dilaporkan kepada Parlimen.

"Saya tidak mahu membuat sebarang kesimpulan awal sebaliknya kita akan duduk dan meneliti setiap bukti serta do-

kumen yang dikemukakan kepada kami sejak bulan lalu.

"Kami memang berhasrat untuk membuat keputusan segera dan jika boleh sebelum penggal Parlimen ini berakhir atau selewat-lewatnya sebelum tahun depan," katanya kepada pemberita di Bilik Jawatankuasa 1, Parlimen hari ini.

Sementara itu, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, beliau terkejut apabila PAC mempunyai anggapan yang salah berhubung RM19.4 bilion tersebut masih ada dalam sim-



RONALD KIANDÉE



LIM GUAN ENG

panan kerajaan.

Jelas beliau, pihaknya akan berusaha untuk membuktikan perkara tersebut.

"Kita telah memberitahu mereka wang itu tiada dan saya

rasa ia cukup jelas wang itu tiada. Jika ada, saya akan meraikan secara besar-besaran, kita tidak akan mengambil daripada Petronas," katanya.

Ogos lalu, Guan Eng ketika membentangkan Rang Undang-Undang Cukai Barang dan Cukai Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 melaporkan bahawa baki sedia ada dalam Tabung Bayaran Balik GST adalah RM1.48 bilion.

Beliau turut mendakwa kononnya dana sebanyak RM19.4 bilion dalam tabung tersebut telah 'dirompak' oleh kerajaan terdahulu di bawah Barisan Nasional (BN).